

Bentuk, lahir wanita solehah sejak remaja

Pilih sahabat dekat dengan agama, elak terjebak dalam kancuh maksiat

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kemuliaan wanita solehah atau baik dalam pandangan alam Islam digambarkan Rasulullah SAW dalam hadis: "Dunia ialah perhiasan dan sebaik-baik perhiasan dunia ialah wanita solehah." (HR Muslim)

Bagaimanapun, anak gadis zaman ini melalui cabaran cukup besar terutama disebabkan pengaruh persekitaran melalui rakan sebaya dan kepesutan teknologi tanpa sempadan serta hiburan melalukan.

La mengandung pelbagai permasalahan moral termasuk penzinaan, perbuatan suamang dan penyalahgunaan dadah, malah boleh membawa kepada bunuh diri.

Lebih membimbangkan, mereka tidak mahu terikat atau dikat dengan syariat dan agama daripada memerehkan ibadat seperti solat serta puasa hingga culas memelihara aurat dan maruah diri kerana konornya tidak selari kehendak serta gaya hidup.

Pendakwah muda, Nur Afiqah Mahmud, berkata dalam mencapai tahap 'solehah' seperti dianjurkan Islam, ia bergantung sejauh mana ketiadaan kepada perintah Allah SWT.

"Sifat solehah bukan terletak pada pakaian, ilmu atau pencapaian di dunia tetapi paling penting bagaimana seorang menghidupkan keimanan dalam diri kerana tanpanya hidup tidak akan ada hala tuju dan pegangan," katanya.

Nur Afiqah berkata, remaja perempuan yang bergelut dengan gaya hidup bebas akan hilang perasasan mudu hingga seolah olah sengaja menyangkan atb kepada khalayak ramai.

Ia selari dengan hadis diriwayatkan Abu Hurairah RA: "Iman itu terdiri daripada 60 bahagian dan malu salah satu bahagian

iman." (HR Bukhari)
Beliau berkata, sifat solehah juga memerlukan Muslimah untuk mencari sahabat yang dekat dengan agama.

"Sifat cermin memantulkan objek di dalamnya dan begitu juga sahabat kerana baik buruk tingkah lakunya akan menjadi bayangan kepada kita.

"Seseorang remaja tentu bersahabat dengan orang sama 'jiwanya' tetapi perlu berhati-hati kerana jika sahabat itu emi dan melanggar syariat agama seperti meninggalkan solat, kita juga dikhuatiri terjebak sama," katanya.

Nur Afiqah berkata, walaupun Islam mengutamakan ikatan persaudaraan tidak mengira batas tertentu, setiap remaja perlu bijak memilih rakan yang dapat membawa kepada manfaat.

"Antara kaedah terbaik adalah dengan melihat keturunan seseorang sama ada berasal dalam kalangan keluarga baik-baik atau sebaliknya.

"Jika ada yang datang daripada keluarga kurang baik, usah pulaikan tetapi pastikan mereka ada usaha memperbaiki diri dan kekurangan sedia ada.

"Paling penting, carilah sahabat yang mempunyai pegangan agama, iaitu melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan-Nya, sekali gus dapat membimbing kita ke arah lebih baik," katanya.

Sementara itu, Ketua Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Adawiyah Ismail, berkata anak gadis wajar meneladani puteri Rasulullah SAW, Sa'datuna Fatimah RA yang tinggi akhlak, selain sentiasa menjaga maruah dan keperibadian.

"Fatimah dinobatkan sebagai sayyidah yang bermaksud penghulu wanita seluruh alam pada zamannya. Kelahirannya sendiri memberikan kegemilangan kepada Nabi Muhammad SAW, bahkan berakhlak dan kesantunan kepada keluarga Baginda.

"Nabi Muhammad SAW memberikan julukan al-Zahra kepada Fatimah yang bermaksud bunga dan beliau jugalah puteri paling mirip dengan Baginda," katanya.

Katanya, tinggah laku Fatimah digambarkan Asma' mitu antara



Muslimah perlu bijak memilih sahabat yang baik bagi saling mengingatkan demi kebaikan serta mengelak diri daripada terjebak ke lembah ketumuan. (Foto Hasan)



Sifat solehah bukan terletak pada pakaian, ilmu atau pencapaian di dunia tetapi paling penting bagaimana seorang menghidupkan keimanan dalam diri kerana tanpanya hidup tidak akan ada hala tuju dan pegangan.

Nur Afiqah Mahmud, Pendakwah



Fatimah menjadikan munajat sebagai amalan hidup beliau. Antara munajat yang sering diungkapkan ialah 'Wahai Allah, aku bersumpah dengan ilmu ghaib yang Engkau miliki dan kemampuan penciptaan-Mu.

A'dawiyah Ismail, Ketua Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam UKM

sahabat Nabi SAW dalam kalangan wanita yang rapat dengannya.

"Menurut Asma', beliau tidak pernah melihat seorang pun wanita yang lebih santun daripada Fatimah hingga mengungkapkannya, Fatimah belajar kesantunan daripada Allah yang Maha Dewar."

"Ini disebabkan hanya orang terdidik dengan mendahulukan tuntutan ilahi sahaja dapat memiliki perilaku dan kesantunan yang suci," katanya.

Adawiyah yang juga Felo Ber-

dan kelebihan Fatimah," katanya. Antaranya, Rasulullah SAW bersabda: Sebaik-baik wanita di dunia ialah Maryam Imran, Khadijah binti Khuwailid, Fatimah dan Asiah. Iaitu isteri Firman. (HR al-Nassab)

Menurutnya lagi, sifat Fatimah yang patuh dan taat serta sentiasa berkhidmat kepada ayahandanya, Rasulullah SAW wajar dicontohi anak gadis supaya mengutamakan kepentingan keluarga.

"Baginda menggambarkan kasih sayang yang penuh kepada Fatimah dengan memberikan amaran supaya tidak membuat sesuatu yang boleh menjadikannya marah.

"Sabda Rasulullah SAW: 'Fatimah sebahagian darah dagingku, maka sesiapa menjadikannya marah bererti dia juga menjadikan aku marah (HR Bukhari),' katanya.

Selain itu, menurut Adawiyah, ibu bapa perlu mengambil contoh bagaimana Rasulullah SAW mendidik Fatimah hingga menjadi contoh peribadi wanita solehah.

"Fatimah menjadikan munajat sebagai amalan hidup beliau. Antara munajat yang sering diungkapkan ialah 'Wahai Allah, aku bersumpah dengan ilmu ghaib yang Engkau miliki dan kemampuan penciptaan-Mu. Berilah aku keikhlasan. Aku ingin tetap tunduk dan menghamba kepada-Mu pada masa senang dan susah,' katanya.

Ibn Hibban berkata, seorang sahabat bertanya kepada Rasulullah SAW: "Mengapa engkau tidak memperlakukan anak-anak engkau yang lain seperti Fatimah? Baginda menjawab: "Engkau tidak mengenal Fatimah. Aku mencium bau syurga pada diri Fatimah. Engkau tidak tahu bahawa keredaan Allah ada pada keredaan Fatimah dan kemurkaan Allah ada pada kemurkaan Fatimah." (HR Ibn Hibban)

sekutu Institut Islam Hadhari berkata, ketika bangsa Arab menganggap anak perempuan sebagai pembawa sial, malang dan hina, Rasulullah SAW amat memulatkan serta menghormati puterinya, Fatimah.

"Pujian Rasulullah SAW disebabkan Baginda menyaksikan kemuliaan pada diri puterinya itu. Nabi SAW sudah mengetahui apa yang akan terjadi sepeninggalannya kelak.

"Oleh itu, sejak awal lagi Baginda mendedahkan kemuliaan